



Bil. 01/2021 – C19(M) 01012021

EDARAN DALAMAN
ANGGOTA KERJA SAHAJA

PENGUMUMAN TERKINI: PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan, di sidang media bertarikh 28 Disember 2020 berkenaan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di **seluruh negeri Selangor dari 1 Januari 2021 hingga 14 Januari 2021**, pihak Pengurusan UNITEN bersetuju untuk meneruskan Kaedah Bekerja Dari Rumah (*Work From Home*) untuk anggota kerja di **Kampus Putrajaya sehingga tarikh 14 Januari 2021** tersebut.
2. Sehubungan dengan itu, **Edaran Bil. 25/2020 - C19(M)08112020** bertajuk **Pengumuman Terkini: Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (Edaran Anggota Kerja)** yang diedarkan pada 8 November 2020 lalu adalah masih berkuat kuasa dan harus dipatuhi oleh semua anggota kerja.
3. Anggota kerja UNITEN di **Kampus Sultan Haji Ahmad Shah** adalah masih tertakluk kepada **Pekeliling Pengurusan Sumber Manusia UNITEN/SM 1/19/1(2020-07)** bertarikh **9 Oktober 2020** mengenai pelaksanaan pembahagian waktu bekerja mengikut kategori Kumpulan A dan Kumpulan B berkuat kuasa dari 12 Oktober 2020 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
4. Semua anggota kerja adalah diingatkan agar sentiasa menjaga kesihatan, mengelak daripada mengunjungi tempat-tempat yang sesak dan mengamalkan kawalan sendiri seperti yang disarankan oleh KKM iaitu kerap cuci tangan dengan air dan sabun/ *hand sanitizer*, amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan memakai pelitup muka.



5. Pengurusan UNITEN akan mengeluarkan pemakluman lanjut kepada anggota kerja dari semasa ke semasa. Sehubungan itu semua pihak diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan UNITEN dan juga KKM. Semoga segala inisiatif yang diambil ini mendapat sokongan dan kerjasama anggota kerja bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan kita bersama.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03-89212019 atau emel covid19taskforce@uniten.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha, FASc
Naib Canselor
Universiti Tenaga Nasional
1 Januari 2021